

**Malay Transcript:**

Sejak September 1963, negeri Sarawak dan Sabah telah menjadi sebahagian daripada negara Malaysia. Namun kedu.. Sarawak dan Sabah iaitu Malaysia Timur mer.. dan Semenanjung Malaysia merupakan entiti geografi yang berlainan. Kedua-dua ini diasingkan oleh Laut Cina Selatan dan, misalnya, jika saya ingin terbang dari kota Kuching, iaitu ibu kota negeri Sarawak, ke ibu negara Kuala Lumpur, yang terletak di Semenanjung Malaysia, saya akan makan kira-kira dua jam. Tetapi jika saya ingin terbang dari ibu kota Kuching ke negara Singapura saya akan makan hanya satu jam. Oleh itu saya harap elemen ironik dapat ditangkap di sana. Oleh itu, wujudnya...terdapat banyak ketidaksamaan antara kedua-dua bahagian negara Malaysia ini dari aspek budaya, bahasa tempatan dan komposisi masyarakat. Saya..saya sendiri merupakan seorang anak Sarawak, di Malaysia Timur, dan saya hanya berpeluang berinteraksi secara lebih dalam dengan anak Semenanjung selepas saya berjaya melanjutkan pelajaran saya ke sebuah universiti di Amerika Syarikat. Semua pelajar di... Semua pelajar dari Malaysia di universiti saya merupakan anak Semenanjung kecuali saya, dan mereka berasal terutamanya dari ibu kota, iaitu Kuala Lumpur. Oleh sebab ibu negara Kuala Lumpur ter..terletak di Semenanjung, saya rasa bahawa majoriti sumber maklumat tentang peluang pendidikan dan peluang biasiswa disalurkan kepada masyarakat di sana. Jarangnya saya terdengar bahawa terdapat anak Malaysia Timur ingin ke Amerika, sebagai contoh, untuk melanjutkan pelajaran mereka kerana informasi tentang sistem liberal arts atau pembantuan kewangan masih berkurangan.

**English Translation:**

Since September 1963, the states of Sarawak and Sabah have been a part of the country of Malaysia. However, Sarawak and Sabah, that is East Malaysia.. and Peninsular Malaysia are geographical entities which are separate. The two of them are separated by the South China Sea and, for example, if I want to fly from Kuching, which is the capital city of the state of Sarawak, to the nation's capital, Kuala Lumpur, which is located in Peninsular Malaysia, it would take me around two hours. But if I want to fly from Kuching to Singapore, it would only take me an hour. So I hope the element of irony can be caught there. Thus arises... there are many differences between the two regions of Malaysia in the aspects of culture, local language and demographics. I..I myself am a native of Sarawak, in East Malaysia, and I only had the chance to interact more with natives of Peninsular Malaysia after I managed to further my education in an American university. All the students in.. All the students... All the Malaysian students at my university are natives of Peninsular Malaysia except for me, and they mainly come from the capital city, Kuala Lumpur. Because Kuala Lumpur is located in Peninsular Malaysia, I feel that the majority of resources in terms of education opportunities and scholarship opportunities are directed to the people there. I rarely hear about East Malaysians wanting

to go to America, for example, to further their studies, because information about the liberal arts education system or financial aid is still lacking.

**About CultureTalk:** CultureTalk is produced by the Five College Center for the Study of World Languages and housed on the LangMedia Website. The project provides students of language and culture with samples of people talking about their lives in the languages they use every day. The participants in CultureTalk interviews and discussions are of many different ages and walks of life. They are free to express themselves as they wish. The ideas and opinions presented here are those of the participants. Inclusion in CultureTalk does not represent endorsement of these ideas or opinions by the Five College Center for the Study of World Languages, Five Colleges, Incorporated, or any of its member institutions: Amherst College, Hampshire College, Mount Holyoke College, Smith College and the University of Massachusetts at Amherst.

© 2012 Five College Center for the Study of World Languages and Five Colleges, Incorporated